

# Sahabat Nabi yang Terbilang

Şuhayb al-Rūmī

Salah seorang di antara sahabat-sahabat Rasulullah *sallā*

*Allāhu 'alayhi wa 'ālihi wa sallam* yang mempunyai sejarah gemilang di dalam Islam ialah Şuhayb al-Rūmī.

Menurut yang dicatat oleh ahli tawārīkh Islam, bahawa nama Şuhayb yang sepenuhnya ialah: Şuhayb ibn Sunān ibn Mālik, dari golongan Bani Nimr ibn Qāsiṭ dan salasilah keturunannya berhubung kepada Rabī'ah ibn Nizār.

Zahir di bandar Muwasal, di tepi Sungai Firat dalam daerah negeri Iraq pada tahun 36 sebelum hijrah bersamaan dengan tahun 588 Masihi.

Ayahnya dan ayah saudaranya menjadi pegawai raja Parsi bekerja di Iblah (Basrah).

## Ditawan oleh Rum

Tatkala Rum menyerang daerah Iblah ini, Şuhayb yang pada ketika itu masih kecil, telah ditawan oleh tentera Rum. Lalu dia dibela dan dibesarkan oleh orang Rum sehingga lidahnya tidak fasih lagi menuturkan kata-kata Arab. Setelah ia besar dan menjadi muda remaja yang kuat sasa maka orang Rum pun menjualnya sebagai hamba abdi – kepada orang Arab dari suku Bani Kilāb, ia pun dibawa ke Mekah. Di Mekah ia telah dijual pula kepada Abdullah ibn Judān al-Taymī. Akhirnya Şuhayb telah dimerdekan lalu menjadi seorang ahli perniagaan.

## Memeluk Islam

Di dalam suatu hadis Nabi ada disebutkan perihal Şuhayb memeluk Islam dan dibayangkan seolah-olah dia betul-betul berbangsa Rum. Hadis itu, demikian maksudnya:

“Orang yang mendahului orang-orang lain di dalam Islam ialah empat orang, pertama: Aku yang mendahului kesemua bangsa Arab, kedua: Şuhayb mendahului seluruh orang Rum; ketiga: Sulaymān al-Fārisī yang mendahului kesemua orang Parsi, dan keempat: Bilāl Ibni Abī Rabbāh yang mendahului orang-orang Ḥabshī umumnya.”

Şuhayb telah memeluk Islam ketika berumur 18 tahun. Ia tidak mempunyai keluarga dan suku-sakat di Mekah yang dapat membela, dan kerana itulah ia telah menderita berbagai-bagai seksa dan azab sengsara daripada kaum musyrikin. Pada masa itu umat Islam baharu berjumlah 30 orang sahaja.

Tatkala Şuhayb hendak berhijrah ke Madinah, ia telah dihalangi oleh kaum jahiliyyah, tetapi akhirnya juga berlepas diri setelah dia memberikan semua harta bendanya kepada mereka.

Apabila Şuhayb tiba dengan selamatnya di Madinah lalu pergi berjumpa dengan Rasulullah (S.A.W), maka ia telah disambut oleh Nabi dengan mengucapkan kepadanya selamat bahagia kerana setianya kepada Islam.

Şuhayb telah turut berperang di medan Badar menentang musuh-musuh Islam dan telah turut berjuang di medan perang Uhūd dan Khandaq, dan segala medan perang yang lain yang telah dirempuh oleh Rasulullah dalam mempertahankan agama Islam. Şuhayb terkenal seorang pemanah yang handal.

### **Keistimewaan**


Ketika Saydina Umar ditikam oleh seorang hamba tebusan dari orang-orang Parsi yang beragama Majusi (kata

setengah riwayat beragama Nasrani), Sayidina Umar berwasiat supaya Şuhayb menjadi imam sembahyang jenazahnya, dan juga menjadi imam sembahyang masjid Rasulullah selama tiga hari iaitu dalam masa ahli al-Shūrā bermesyuarat dan mengambil keputusan tentang siapakah khalifah baharu yang dipilih itu.

Demikianlah Şuhayb walaupun ia seorang bekas hamba tebusan tetapi alim dan imannya telah mengangkat darjatnya sehingga menjadi imam bagi sahabat-sahabat besar Nabi yang terbilang.

Ia telah wafat dalam tahun 32 H (659 M.)

di Madinah al-Munawwarah ibu negara Islam dan pusat penyebaran Islam ke seluruh dunia.



*Pencinta-pencinta Qalam dari pelajar-pelajar bahagian "Qism al-Thānawī Madrasah al-Khayriyyah al-Islāmiyyah, Pokok Sena,*

*Seberang Perai. Pelajar-pelajar ini terdiri dari negeri-negeri Kedah, Perak, Selangor, Johor dan Negeri*

*Sembilan. Duduk di tengah-tengah (nomor 5 dari kiri) ialah al-Ustādh Uthmān Bāri' Haji Murshidi, salah*

*seorang guru madrasah tersebut.*